



2009 JASMINE/SABA SULTAN CUP 2ND DIVISION LIGA KOMUNITI 2009

Syarat-syarat Bertanding:



1) Matlamat

- Merapatkan peminat bola keranjang.
- Meningkatkan taraf permainan bola keranjang dalam negeri Selangor.
- Mengamalkan sikap professional dalam bidang bola keranjang.
- Menggalakkan penubuhan/pembentukan kelab bola keranjang tempatan.

2) Penyeretaan

- Yuran Pendaftaran RM150.00 per pasukan
- Mengamalkan system "bayar & bertanding", di mana perbelanjaan setiap pertandingan, iaitu RM150.00 akan dibayar sama rata oleh kedua-dua pihak bertanding kepada SABA. Bayaran RM150 ini termasuk elaun pengadil, elaun pegawai teknikal, elaun ketua zon pertandingan, elaun pegawai meja, kos sewa gelanggang, kos pembersihan gelanggang dan lain-lain perbelanjaan.
- Cagaran pertandingan RM250.00, sebelum setiap pertandingan bermula, setiap pasukan perlu membayar RM75 kepada ketua zon pertandingan. Jikalau wang cagaran pertandingan ditolak sebagai 'penalty' dan kurang daripada RM150.00 jumlahnya, maka pihak pasukan tersebut perlu "reload" cagarannya semula hingga RM250.00.
- Perlaksanaan "Penalty Violation", pasukan yang melanggar peraturan, perlu membayar wang ganjaran kepada pihak perlawanan, peraturan dan syarat-syarat pembayaran ini, sila rujuk "Lampiran 1".
 - Wang Cagaran RM250.00 dikehendaki bayar melalui cek berpaling dan dialamatkan kepada <Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor> atau dengan wang tunai. Tiap pasukan harus membuat tuntutan wang cagaran secara sendiri dalam tempoh 3 bulan setelah upacara penamatan kejohanan.
 - Wang cagaran akan disita sekiranya :-
 - Ahli/pasukan yang terlibat dalam keganasan seperti pemukulan atau memukul pengadil, pegawai-pegawai teknikal atau AJK kejohanan.
 - Memboikot perlawanan. Semua perlawanan mesti dipertandingkan sehingga habis kecuali diperhentikan oleh pengadil J/K Teknikal berhak mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat pasukan yang memboikot.
 - Pasukan yang gagal menghantar sekurang-kurangnya 4 wakil dalam upacara pembukaan serta '3on3' pada hari tersebut.
 - Pasukan yang tidak menghantar wakil untuk menghadiri Mesyuarat Pengurus-pengurus Kejohanan.

3) Syarat – syarat pertandingan

- Setiap pasukan boleh mendaftar 15 orang pemain maksimumnya, setiap pertandingan 12 orang pemain terlibat, sekurang-kurangnya 8 orang.
- Semua pemain yang dinamakan dalam 'senarai khas' (Lampiran 2) TIDAK DIBENARKAN mengambil bahagian dalam Liga ini. (sila rujuk www.selangorbasketball.com) Walaubagaimanapun, Pemain Nasional, Pemain Nasional Junior yang berasal dan didaftarkan dari Selangor dan umurnya di bawah 22 tahun tidak terhad dalam peraturan ini.
- Setiap Zon hanya akan menerima sebanyak 10 pasukan, pada pusingan awal, system pertandingan adalah secara LIGA, iaitu setiap pasukan akan bertanding sebanyak 9 perlawanan di peringkat awal.
- Sesudah pusingan awal habis dijalankan, pasukan yang berkedudukan 1 hingga 8 akan berlayak ke pusingan kedua. Pusingan kedua dijalankan secara "Best of Two kalah-mati", Perlawanan akhir adalah "Best of Three"
- Johan Zon akan dihadiahkan wang tunai sebanyak RM1200.00, Naib Johan RM800.00 dan layak ke Kejohanan JASMINE/SBA SULTAN CUP DIVISION 1. Hadiah-hadiah wang tunai ini akan diberi semasa upacara penutup Kejohanan JASMINE/SBA SULTAN CUP DIVISION 1.

4) Peraturan

- Mengikut Peraturan FIBA 2008
- "DUNKING" dalam pertandingan dikira 3 mata.

5) Pelaksanaan

- Pasukan yang mengambil bahagian mesti menghantar Senarai Pasukanyang sempurna kepada SBA SEBELUM tarikh penutup pendaftaran akan menerima diskaun ke atas yuran pendaftaran sebanyak 50%.
 - Tarikh Penutup Pendaftaran: 25.3.2009(RABU) 6.00p.m.
- Mesyuarat Pengurus Pasukan/Jurulatih : 28.3.2009 (SABTU) 8.00p.m.
 - SEBELUM kejohanan bermula, jika pasukan didapati bahawa mempunyai pemain yang telah melanggar peraturan 3(b), maka pemain tersebut akan terus disingkir. Kekosongan tersebut TIDAK BOLEH diisi semula.
- Jika aduan diterima dan didapati benar atau didapati bahawa pasukan mempunyai pemain yang telah melanggar peraturan 3(b) SELEPAS kejohanan bermula, maka pasukan tersebut akan disingkir dan cagaran akan dirampas.
 - Semua aduan dan bantahan mengenai kelayakan seseorang pemain harus dibuat secara bertulis kepada J/K Teknikal seawal mungkin. Bantahan tidak akan dilayan pada peringkat pusingan akhir.
- Pemain yang terpilih MESTI mewakili negeri Selangor dalam Piala Agong yang akan datang. (Sila rujuk "Piawai Pemain").

6) Bantahan / Rayuan

- Bantahan hendaklah dibuat dengan segera secara lisan dan menurunkan tandatangan di atas ruangan 'bantahan' di kertas skor. Seterusnya, surat bantahan secara bertulis serta wang cagaran bantahan RM200.00 mesti dihantar kepada Pengerusi J/K Teknikal dalam masa 1 jam sebaik sahaja tamatnya perlawanan berkenaan.
- Sekiranya pasukan masih tidak berpuas hati dengan keputusan J/K Teknikal Kejohanan, pasukan boleh membuat rayuan kepada J/K Juri SABA secara bertulis bersama wang cagaran rayuan RM500.00 dalam masa 8 jam selepas pengumuman J/K Teknikal Kejohanan.
- Sekiranya mempertikaikan kelayakan pemain bagi sesuatu pasukan, pasukan yang membuat aduan mesti mengemukakan eviden secara bertulis kepada J/K Teknikal dan disertakan dengan wang cagaran RM200.00 untuk menjalankan soal siasat. Wang cagaran akan dipulangkan sekiranya aduan yang dibuat adalah benar dan sah.

7) Peningkatan

- Setiap pasukan yang menyertai dalam kejohanan ini akan mendapat satu tempat PERCUMA untuk Kursus Kejurulatihan Bola Keranjang selama 5 hari, sesiapa yang lulus dalam peperiksaan kursus tersebut akan memperolehi Sijil Kejurulatihan Bola Keranjang Level 1. Wakil pasukan sial berdaftar dengan SBA. Jika Kursus tersebut diadakan, maka wakil tersebut akan diberitahu maklumat selanjutnya.
- Pasukan yang menyertai MESTI menghantar SEORANG wakil untuk menghadiri Mesyuarat Pengurus Pasukan/Jurulatih. Satu Klinik mengenai peraturan & teknikal juga akan diadakan untuk menyampaikan pengetahuan/peraturan bola keranjang yang baru.

8) Tempat Pertandingan

- Gelanggang Tertutup Subang USJ14 (Court 9)
- Gelanggang Tertutup Kg. Baru Semenyih
- Gelanggang Tertutup Green park, Rawang
- Gelanggang Bola Keranjang Eng Onn, Klang

9) Lain - lain Perkara

- Penerangan dan keputusan Panel Juri SABA adalah rasmi dan muktamad, tidak boleh dicabar atau dibawa ke mahkamah.
- Pihak penganjur kejohanan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kejadian yang tidak diingini seperti kecederaan, kematian, kehilangan harta benda dan lain-lain ke atas para peserta sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- J/K Pertandingan SABA berhak membuat sebarang ubahsuaian jika mendapati bahawa syarat-syarat dan peraturan-peraturan ini tidak lengkap.

LAMPIRAN 1 :

"Fair Play & Penalty"

Setiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 8 orang pemain dalam satu perlawanan. Jika jumlah pemain kurang daripada 8 orang, maka RM50 akan disita. Wang yang disita ini ditolak daripada cagaran pasukan. Wang ini akan diberi kepada pihak berlawan pertandingan itu melalui ketua zon pertandingan.

- Semasa pertandingan, mana-mana pemain/pegawai pasukan dikenakan " technical foul"/"unsportmanlike foul" sebanyak dua kali atau dikenakan "disqualified foul", maka RM50 akan disita. Wang yang disita ini ditolak daripada cagaran pasukan. Wang ini akan diberi kepada pihak berlawan pertandingan itu melalui ketua zon pertandingan. Berpandangan tahap serius kes tersebut, J/K Penghargaan & Disiplin SABA akan memutuskan samada melakukan tindakan susulan termasuk menghalang pemain tersebut untuk menyertai pertandingan seterusnya.
- Syarat TEPAT PADA MASA. Jikalau pemain sesuatu pasukan kurang daripada 5 orang pada masa pertandingan yang telah ditetapkan, Perlawanan tersebut terpaksa lewat selama 15 minit, maka pihak yang lewat tersebut akan disita RM50 ; jika lewat lebih daripada 30 minit, pihak yang menunggu itu berhak meminta pengadil supaya mengistiharkan perlawanan ditamatkan. Pihak yang lewat itu akan membayar RM150. Wang yang disita ini ditolak daripada cagaran pasukan. Baki wang ini akan diberi kepada pihak yang diistihar menang dalam perlawanan itu melalui ketua zon pertandingan selepas ditolak perbelanjaan perlawanan tersebut.

LAMPIRAN 2 :

Senarai Khas Pemain-pemain yang Tidak Dibenarkan Mengambil Bahagian Dalam Kejohanan (*Pemain Nasional, Pemain Nasional Junior yang berasal dan didaftarkan dari Selangor dan umurnya di bawah 22 tahun BOLEH mengambil bahagian dalam kejohanan ini.)

Disusun oleh,
J/K Pertandingan, Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor